JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan

Ruj. Kami: ANM.NS.100-1/5/3( 30 )
Tarikh : 9 Ogos 2021

**Semua Ketua Jabatan**
**Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN BIL. 8 TAHUN 2021: KAWALAN KE ATAS PENGGUNAAN KOD PEMBEKAL – *ONE TIME VENDOR* (OTV) BAGI PEMBAYARAN DI IGFMAS.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada emel bernombor rujukan ***BPOPP/SPO (Emel)/2021 (170)*** bertarikh 9 Julai 2021 dan surat bernombor rujukan JANM. BPOPP. 600-15/4/13(4) bertarikh 29 Mei 2020.

2. Dimaklumkan bahawa, berdasarkan kepada rekod penggunaan kod pembekal – *One Time Vendor* (OTV) bagi pembayaran di iGFMAS, terdapat pembayaran yang menggunakan kod pembekal – OTV walaupun pembayaran adalah kepada penjawat awam yang telah mempunyai kod pembekal EMP (EMPLOYEE) di bawah 5 *series* (5000000000 sehingga 5999999999). Sehubungan dengan itu bagi tindakan penyeragaman bersama – sama ini disertakan keterangan tambahan bagi penggunaan kod OTV seperti di **Lampiran 1**. Tatacara ini adalah bagi penerima bayaran secara *one off* sahaja. Selain itu, bagi melancarkan proses semakan oleh pejabat ini, Pusat Tanggungjawab(PTJ) dipohon untuk mencatatkan tarikh lantikan pegawai seperti contoh Personnel MyStep di Arahan Pembayaran yang dibuat.

3. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk mematuhi tatacara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

**( MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M) )**
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

| Kod Vendor OTV | Nama Vendor OTV | Keterangan di dalam MPK | Keterangan Tambahan Mengenai Penggunaan Kod OTV (Berdasarkan Senario) | Penyeragaman Kod Pembekal One Time Vendor (OTV) Mengikut Jenis Arahan Pembayaran (AP) |
|---|---|---|---|---|
| 10001 | EMP2 – Pendapatan Bercukai | **MPK iGFMAS : PENGURUSAN DATA VENDOR –ONE TIME VENDOR (OTV) –MPK VEND 11** | 1. Penerima bayaran *one off* yang terdiri daripada penjawat awam yang belum didaftarkan sebagai Vendor EMP 50 siri atau bayaran melibatkan penjawat awam yang dikenakan arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu di mana kod EMP sedia ada disekat penggunaannya.<br><br>2. Penerima bayaran *one off* yang terdiri daripada individu yang berkerja dan menerima emolumen termasuk bayaran elaun/tuntutan daripada Kerajaan Persekutuan. Contoh Personnel MySTEP yang belum didaftarkan sebagai Vendor iGFMAS. | Berdasarkan kepada ketetapan tersebut, bagi penggunaan Kod OTV 10001 adalah dibenarkan bagi urusan pembayaran di iGFMAS tertakhluk kepada jenis Arahan Pembayaran (AP) seperti berikut :<br><br>i. K2 – AP Invois Tanpa PT<br>ii. K5 – AP Pendahuluan Diri & Tuntutan Perjalanan<br>iii. K6 – AP Pendapatan Bercukai |
| 10009 | OTV Arahan Pembayaran | **MPK iGFMAS : PENGURUSAN DATA VENDOR –ONE TIME VENDOR (OTV) –MPK VEND 11** | Penerima bayaran *one off* kepada selain penjawat awam / individu yang tidak bekerja / tidak menerima emolumen daripada kerajaan dan tidak didaftarkan di dalam mana-mana kategori Vendor. Contoh bayaran *one off* (tidak berulang) kepada entiti Badan Kebajikan. | Berdasarkan kepada ketetapan tersebut, bagi penggunaan Kod OTV 10009 adalah dibenarkan bagi urusan pembayaran di iGFMAS tertakluk kepada jenis Arahan Pembayaran (AP) seperti berikut :<br><br>i. K2 – AP Invois Tanpa PT<br>ii. K5 – AP Pendahuluan Diri & Tuntutan Perjalanan |